

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @
TAMBAT [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang perlu diambil bagi membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah baik sistem pemilihan bantuan agar dapat dinikmati golongan sasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha bagi membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas di negara ini melalui pelbagai inisiatif berbentuk khidmat sokongan sosial, bantuan dan kebajikan kepada warga emas. Perkhidmatan sedia ada yang disediakan oleh KPWKM adalah seperti berikut:

1. Sehingga September 2020, JKJ telah menyalurkan **Bantuan Orang Tua (BOT)** kepada **136,758** orang warga emas yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak **RM432,000,000**.
2. Sehingga Oktober 2020, seramai **1,372** warga emas tinggal di sembilan (9) buah **Rumah Seri Kenangan (RSK)**.
3. Sehingga Oktober 2020, seramai **219** warga emas tinggal di dua (2) **Rumah Ehsan (RE)**.
4. Sebanyak **132 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** telah diwujudkan di seluruh Malaysia memberi manfaat kepada **42 ribu orang** warga emas.
5. Sehingga Oktober 2020, terdapat seramai **1,992** sukarelawan yang telah memberi **Khidmat Bantu di Rumah (Home Help Services)** kepada seramai **5,826** warga emas.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mendepani cabaran negara tua menjelang 2030, Kerajaan melalui KPWKM juga telah merangka beberapa inisiatif baharu bertujuan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga emas seperti berikut:

SOALAN NO. : 15

- i. Menambah baik Pelan Tindakan Warga Emas;
- ii. Menggubal Rang Undang-Undang Warga Emas (RUU Warga Emas);
- iii. Mewujudkan penjagaan jangka panjang warga emas (LTC);
- iv. Menggalakkan Modul Penjagaan Warga Emas (NOSS); dan
- v. Pewujudan *age-friendly city* atau bandar mesra usia secara rintis di Taiping, Perak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah individu yang telah ditamatkan daripada senarai penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk tahun 2019 dan 2020, dan apakah faktor yang menyebabkan nama mereka ditamatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik JKM, daripada tahun 2019 sehingga September 2020 terdapat seramai 105,044 orang penerima bantuan yang telah dibuat kaji semula dan ditamatkan kerana tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan. Terdapat pengurangan 47 peratus penerima bantuan yang telah ditamatkan bagi tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019. Bilangan penerima mengikut tahun 2019 dan 2020 dengan faktor-faktor penamatan kes adalah seperti berikut:

BIL	FAKTOR PENAMATAN	2019	2020 (sehingga September)
1	Meninggal dunia	20,038	14,364
2	Mampu berdikari	5,436	2,612
3	Berpindah ke luar daerah	5,880	3,180
4	Tidak memenuhi kriteria kelayakan	9,955	4,467
5	Dirujuk ke agensi lain	158	39
6	Lain-Lain (seperti telah pulih dari penyakit / mempunyai sumber pendapatan seperti pencen / PERKESO / sewa rumah / mempunyai anak yang dewasa tinggal bersama dan bekerja)	27,112	11,803
	Jumlah	68,579	36,465
	JUMLAH KESELURUHAN	105,044	

Walau bagaimanapun, bagi penerima bantuan yang telah ditamatkan bantuan tetapi terdapat perubahan status dan sosioekonomi mereka yang membolehkan mereka layak dipertimbangkan, mereka masih boleh memohon semula dengan JKM. Permohonan akan disiasat mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam garis panduan sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Yusuf Bin Abd Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah bantuan makanan kepada penduduk yang terjejas akibat COVID-19 akan diteruskan memandangkan kawalan pergerakan PKPP masih diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dengan golongan sasaran yang telah terkesan akibat wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh negara baru-baru ini.

Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Bilangan 8 Tahun 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 26 Mac 2020 memutuskan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab memberi bantuan bekalan makanan kepada rakyat Malaysia yang hilang pendapatan dan memerlukan bantuan dalam tempoh pelaksanaan PKP.

JKM juga telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras sumbangan makanan termasuk sumbangan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu sepanjang PKP dengan kerjasama pemimpin tempatan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Sebanyak **RM47.42 juta** telah diperuntukkan bagi menampung program bantuan bekalan makanan semasa PKP untuk Fasa 1 hingga Fasa 3 melalui peruntukan Tabung COVID-19. Manakala RM22.2 juta peruntukan daripada Kementerian Kewangan bagi menampung Bakul Makanan B40 Kawasan Parlimen.

Keseluruhan penerima bantuan Bakul Makanan di seluruh negara adalah seramai **820,723 Ketua Isi Rumah (KIR)** dan memberi manfaat kepada **3.2 juta Ahli Isi Rumah (AIR)**.

Berdasarkan kepada peningkatan kes di beberapa kawasan dan negeri yang telah menyebabkan Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), agihan bakul makanan adalah masih perlu untuk diteruskan kepada penduduk terjejas sehingga PKP berakhir. Kementerian juga telah diluluskan peruntukan tambahan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di bawah Tabung COVID-19 bagi

SOALAN NO. : 30

Fasa 4 sebanyak RM5.4 juta untuk menambahkan bakul makanan bagi kawasan tersebut. Semua pihak, termasuk pemimpin masyarakat boleh mengemukakan aduan dan rujukan sekiranya dikenal pasti ada pihak memerlukan bantuan kepada JKM yang berhampiran untuk disampaikan.